

17/01/2001

Pahang pelawa korporat bantu agensi

Norwati Salleh

KERAJAAN Pahang mempelawa mana-mana badan korporat yang mempunyai aliran wang tunai yang baik membantu agensi dan anak syarikat kerajaan negeri yang menghadapi masalah membayar pinjaman.

Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob, berkata usaha itu menunjukkan kerajaan serius untuk menyelesaikan kemelut hutang sesetengah pertubuhan berkenaan.

"Kita tidak bersikap sambil lewa apabila mengeluarkan kenyataan mengenai penstrukturan semula agensi dan anak syarikat kerajaan negeri.

"Apa yang dilakukan kerajaan mungkin tidak popular, tetapi rakyat akan dapat melihat tindakannya dalam tempoh tiga bulan pertama ini.

"Kita tidak mahu orang menunjukkan kertas cadangan saja. Kita bersedia menerima mana-mana badan korporat yang sanggup membantu bagi menyelesaikan masalah berkenaan dengan membawa aliran wang tunai yang banyak," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menghadiri majlis sambutan Aidilfitri anjuran Majlis Perbandaran Temerloh, petang kelmarin.

Turut hadir Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Alam Sekitar dan Pembangunan Perbandaran negeri, Datuk Kan Tong Leong dan Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan Masyarakat negeri, Perpaduan Masyarakat dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Law Kee Long.

Adnan mengumumkan mengenai hasratnya untuk merombak semula agensi dan anak syarikat kerajaan negeri sejak beliau memegang jawatan Menteri Besar menggantikan Tan Sri Mohd Khalil Yaakob.

"Sebenarnya sudah ada seorang tokoh korporat sanggup membantu dan saya akan berjumpa dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin bagi mendapatkan persetujuan.

"Perkembangan selanjutnya mengenai perkara itu, mungkin dapat diketahui dalam tempoh satu atau dua minggu lagi," katanya.

Adnan berkata, kerajaan negeri menerima banyak cadangan untuk mengambil alih agensi dan syarikat tertentu tetapi apa yang diperlukan ialah wang tunai.

Beliau enggan menamakannya tetapi menjelaskan bahawa semua maklumat sudah ada dalam tangannya dan sedang mendapatkan nasihat terbaik korporat.

"Apa yang pasti mungkin ada sesetengah pengurusan beralih atau bertukar tempat, manakala yang lain akan bersara atau mahu berhenti akan berbuat demikian," katanya.

(END)